

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 MAY 2016

## Laporan polis Dr. Mahathir buat tuduhan palsu

**KUALA LUMPUR 23 Mei** - Pengerusi Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah Malaysia, Tunku Abdul Aziz Ibrahim hari ini membuat laporan polis terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad atas dakwaan melakukan tuduhan palsu dan berniat jahat terhadap kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau yang bertindak atas kapasiti sebagai seorang warganegara berkata, tindakan bekas Perdana Menteri itu dilihat boleh menggugat keselamatan negara jika dibiarkan berterusan.

Beliau bersama wakil Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Ham-

dan Mohd. Salleh membuat laporan tersebut di Balai Polis Daerah Dang Wangi di sini kira-kira pukul 3 petang ini.

Tunku Abdul Aziz berkata, tindakan itu diambil selepas membaca beberapa laporan yang disiarkan dalam portal berita baru-baru ini, yang melaporkan Dr. Mahathir mendakwa Yang di-Pertuan Agong dikenakan tahanan rumah bagi menghalang Seri Paduka menerima 1.4 juta tandatangan rakyat yang telah dikumpulkan.

“Sejak beberapa bulan lalu, Dr. Mahathir membuat pelbagai dakwaan terhadap maruah dan

integriti Perdana Menteri dengan tujuan memaksa Najib berundur daripada jawatannya dan dibuktikan tidak berasas.

“Kali ini, bekas Perdana Menteri itu bertindak melampau dengan menuduh kerajaan mengenakan tahanan rumah terhadap Yang di-Pertuan Agong pula.

“Saya membuat laporan ini sebagai individu prihatin. Tindakan saya ini tidak melibatkan jawatan saya dalam Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah Malaysia. Saya hanya melaksanakan tanggungjawab saya sebagai seorang warganegara,” katanya.

UM-24/5/2016